

08/09/1998

Ahli ekonomi sokong tindakan Dr M

AHLI ekonomi dan penganalisis sudah mula menyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mungkin terbukti berwawasan berikutan tindakan Malaysia mengenakan kawalan tukaran asing.

Pakar ekonomi di United Overseas Bank Singapura, Tan Kee Wee, berkata Perdana Menteri akan dapat membuktikan tindakannya itu yang diumumkan minggu lalu sebagai wajar.

"Apa yang dilakukannya mungkin betul. Selepas dua tahun beliau mungkin muncul sebagai wira," katanya ketika berucap pada Pameran Pelaburan '98 di Bursa Saham Singapura (SES), semalam.

Tan berkata, pelaksanaan kawalan tukaran asing tetap yang disokong ahli ekonomi Paul Krugman dari Massachusetts Institute of Technology bakal memberitahu dunia bahawa rancangan pemulihan yang disyorkan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) adalah salah.

Kebanyakan ahli ekonomi menentang peraturan kewangan Malaysia dengan menyatakan ia akan menyukarkan pelaburan asing - tetapi Tan berkata, Malaysia kini sudah terhimpit.

"Malaysia tiada pilihan, pasaran saham dan bon sudah jatuh," katanya.

Ekonomi dan mata wang Malaysia dan lain-lain negara serantau jatuh sejak Julai lalu. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) jatuh 6.8 peratus antara suku kedua 1997 dan 1998.

Reaksi negatif terhadap langkah Malaysia itu disamakannya dengan reaksi kepada teori ortodoks Maynard Keynes ketika kemeseletan ekonomi dunia pada 1930-an.

"Mereka (ahli ekonomi terkemuka ketika itu) mengandaikan idea Keynes sebagai mengarut," katanya.

Teori Keynes yang menentang falsafah pasaran bebas sepenuhnya, mencadangkan bahawa prestasi ekonomi dapat dipertingkatkan menerusi campur tangan kerajaan.

Sementara itu, pensyarah ekonomi Pusat Pengajian Sains Sosial, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor B N Ghosh, berkata langkah yang diambil Perdana Menteri tepat pada masanya.

"Tindakan ini tepat dan kena pada masanya," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya penetapan kadar tukaran asing dan kawalan terhadap aliran keluar modal boleh dianggap sebagai langkah sementara yang berjaya setakat ini memandangkan terdapat kenaikan Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Ini membuktikan wujudnya keyakinan pelabur serta turut mengawal aliran keluar modal," katanya.

Selain itu, Ghosh berkata, tindakan Bank Negara Malaysia mengenakan kawalan ketat terhadap pengaliran wang keluar dan masuk adalah satu tindakan bijak.

"Penggunaan borang yang mengkehendaki pengguna memasukkan jumlah keluar masuk wang membolehkan bank pusat mengesan jumlah pengaliran wang secara lebih berkesan," katanya.

Mengenai campur tangan kerajaan dalam bursa saham dan tukaran asing beliau berkata: "Ekonomi tidak seharusnya dibiarkan terlalu terdedah kepada spekulasi yang boleh membawa kesan negatif," katanya.

Menurutnya, sesekali teori ekonomi ortodoks yang dianggap ketinggalan zaman perlu dirujuk kerana ada antaranya boleh disesuaikan dengan situasi sekarang.

"Teori Keynes yang mencadangkan campur tangan kerajaan dalam pasaran bebas nampaknya mula digunakan kebanyakan negara sekarang," katanya.  
(END)